

**Pemilihan Jawatan MT UMNO 5 Okt Ini, Perhimpunan Agung 2-7 Dis
Bernama
26 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat mengumumkan pemilihan jawatan Majlis Tertinggi (MT) UMNO akan diadakan serentak dengan mesyuarat perwakilan bahagian pada 5 Okt ini.

Najib, yang juga Presiden UMNO, berkata pemilihan jawatan tertinggi sayap Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO akan diadakan secara berasingan pada 28 Sept ini.

Beliau juga mengumumkan Perhimpunan Agung UMNO akan diadakan pada 2 hingga 7 Dis ini.

Mereka yang berminat bertanding jawatan MT, bahagian dan sayap pergerakan parti boleh mendaftar sebagai calon di badan Perhubungan UMNO Negeri pada 7 Sept ini, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di ibu negara.

Lebih 150,000 perwakilan UMNO daripada 191 bahagian di seluruh negara akan membuat pemilihan pucuk pimpinan parti tahun ini selaras dengan pindaan perlembagaan baharu parti itu.

Najib berharap dengan pemilihan berdasarkan perlembagaan baharu itu, anggota UMNO akan memilih pemimpin yang boleh meletakkan parti itu pada asas yang lebih kukuh.

"Kita harap pemimpin yang dipilih nanti boleh diterima parti dan rakyat...kita mahu pemimpin yang berjaya dalam parti juga dalam pilihan raya.

"Kita harap UMNO boleh diterima sebagai parti pilihan rakyat, sebab itu kita kena ketengahkan barisan pemimpin yang diterima rakyat dan mampu mencerminkan imej yang positif," katanya.

Dalam pada itu, Najib memaklumkan jumlah keseluruhan anggota UMNO setakat ini adalah kira-kira 3.4 juta orang.

Ini termasuk pertambahan anggota baharu setakat 22 Julai lepas berjumlah 113,959 yang terbahagi kepada ahli biasa (9,043), Pergerakan Wanita (17, 841) Pergerakan Pemuda (48,867) dan Pergerakan Puteri (38,208).

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966393>